



# **ETIKA MENGHADIRI MAHKAMAH TERBUKA**

## **Etika Menghadiri Mahkamah Terbuka**

- 1) Berada di dalam bilik bicara sebelum pukul 9.00 pagi arau pada masa yang telah ditetapkan oleh Mahkamah.
- 2) Bangun dan tunduk hormat apabila Hakim / Majistret masuk dan meninggalkan bilik bicara.
- 3) Tampil ke hadapan apabila nama anda dipanggil oleh Jurubahasa.
- 4) Berikan sepenuh perhatian anda kepada prosiding yang sedang berjalan.
- 5) Dilarang membuat bising semasa Mahkamah bersidang.
- 6) Tunduk hormat ketika hendak masuk dan keluar dari Mahkamah yang sedang bersidang.
- 7) Kanak-kanak tidak dibenarkan untuk dibawa ke dalam bilik bicara kecuali jika diarahkan oleh Mahkamah.
- 8) Sebarang jenis senjata adalah tidak dibenarkan.
- 9) Sebarang rakaman sama ada dalam bentuk audio atau visual adalah tidak dibenarkan.
- 10) Telefon bimbit, alat kelui dan lain-lain alat elektronik yang boleh menghasilkan bunyi hendaklah dimatikan.



## **Etika Berpakaian**

- 1) Berpakaian sopan dan bersesuaian. Pakaian-pakaian seperti berikut adalah dilarang:
  - Seluar / skirt pendek
  - Baju / baju kemeja tanpa lengan
  - Jaket tidak formal seperti jaket kulit, jaket denim dan seumpamanya.
  - Pemakaian selipar, topi keledar, topi dan cermin mata hitam adalah juga tidak dibenarkan.

## **Peranan dan Tanggungjawab Saksi Di Mahkamah**

- 1) Seseorang yang diserahkan sapina sebagai saksi untuk sesuatu kes mestilah hadir ke Mahkamah bagi memberi keterangan. Kegagalan untuk hadir akan mengakibatkan waran tangkap dikeluarkan.
- 2) Saksi akan memberi keterangan secara lisan.
- 3) Gunakan bahasa yang mudah dan ringkas. Jika khidmat Jurubahasa diperlukan, maklumkan kepada Mahkamah sebelum perbicaraan.
- 4) Dengar dengan teliti soalan-soalan yang dikemukakan dan jawab apa yang ditanya sahaja.
- 5) Saksi hendaklah mengangkat sumpah dan menjawab dengan jujur dan benar.
- 6) Sekiranya saksi tidak sempat menghabiskan keterangan, Mahkamah akan memberikan tarikh yang lain untuk membolehkan saksi menghabiskan keterangan.

## **Dokumen yang diperlukan**

### **Pengenalan Diri**

- 1) Kad Pengenalan / Sijil Kelahiran bagi warganegara Malaysia
- 2) Pasport atau dokumen-dokumen yang berkaitan bagi bukan warganegara.

### **Anggota-anggota Kerajaan**

Kad kuasa jabatan dan / atau dokumen yang berkaitan.



**Wakil Syarikat**

Surat perwakilan.

- Sekiranya anda tidak dapat hadir ke Mahkamah atas apa jua alasan, sila maklumkan kepada Mahkamah dengan kadar segera dan bertulis. Jika anda sakit, sila kemukakan Sijil Sakit kepada Mahkamah.

\*\*\*\*\*



**PENAFIAN :**

Maklumat yang dipaparkan ini bukan merupakan nasihat undang-undang dan hanya merupakan panduan sahaja. Jika anda memerlukan nasihat undang-undang, anda dinasihatkan merujuk kepada peguam.